

## **Sejarah Perkembangan Pengajian dan Penulisan Al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam**

Sarinah Yahya\*

**Abstrak:** Pengajian al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam telah bermula seiring dengan sejarah perkembangan agama Islam di Brunei. Pengajian al-Qur'an di Brunei pada zaman dulu lebih menekankan hal pengajaran dan pembelajaran pembacaan al-Qur'an dengan mengikuti pelbagai kaedah, di samping mempelajari Aqidah, Tauhid, Tasawwuf, Akhlak dan hukum-hukum syari'ah. Hampir tidak didapati dari sumber dan rujukan di negara ini menyatakan tentang pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu berkaitan al-Qur'an seperti ilmu Tafsir dan 'Ulum al-Qur'an. Kalaupun ada, hanya sekadar menyebutkan saja tanpa penerangan lebih lanjut mengenainya seperti cara pengajaran, kitab yang digunakan dan sebagainya. Kajian ini bermatlamat untuk menjelaskan lebih lanjut sejarah dan perkembangan pengajian al-Qur'an dari sejak berkembangnya agama Islam di Brunei hingga kini. Kajian menggunakan kaedah kepustakaan dengan pendekatan historikal bagi membongkar kronologi sejarah pengajian al-Qur'an yang dijalankan di Brunei. Kaedah perbandingan juga digunakan dalam meneliti perkembangan pengajian al-Qur'an pada dua zaman yang berbeza; iaitu zaman pra dan pascamerdeka. Antara dapatan kajian menunjukkan sumbangan yang bukan sedikit para ulama dan pemimpin Brunei dalam perkembangan pengajian al-Qur'an di Brunei.

---

\* Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. E-mel: sarinah.yahya@unissa.edu.bn.

**Kata kunci:** Pengajian al-Qur'an – Pengajian Tafsir di Brunei – pra dan pascamerdeka

**Abstract:** The study of the Quran in Brunei Darussalam has commenced with the history and development of Islam in Brunei. Quranic studies in Brunei in the past placed more emphasis on the teaching and learning of the Qur'an by following various methods, as well as studying the *'Aqidah* or *Tauhid*, *Tasawwuf*, *Akhlak* and *Shari'ah*. It is almost unavailable from reliable sources and references in this country states about the teaching and learning of knowledge relating to the Quran and its sciences such as *Tafsir* (Exegesis) and *'Ulum al-Qur'an* (Quranic Sciences). The only mention of it was merely a comment on the word *Tafsir* without further elaboration such as methods of teaching, the books that were used and so on. This study aims to explain further the history and development of the Qur'anic studies since the advent of Islam in Brunei until now. The study uses library method with a historical approach to uncover the historical chronology of the study of the Qur'an that was conducted in Brunei. Comparative method is also used to examine the development of the study of the Qur'an in two different times; before and after independence. Among the findings of the study show that that the initiative and efforts of the Government of Brunei are very clear in developing Islam through teaching and learning the Quran. Efforts of the leaders and scholars in the development of Quranic studies in Brunei also played a role in promoting the study of the Quran.

**Keywords:** Quranic Studies – Tafsir Studies in Brunei - Pre and post-independence

## Pendahuluan

Negara Brunei Darussalam yang merupakan sebuah negara lama di kepulauan Borneo, telah menjadi sebuah negara Islam dengan pengislaman pemerintahnya Awang Alak Betatar, yang kemudian dikenali dengan nama Sultan Muhammad Shah, Sultan Pertama Brunei.<sup>1</sup> Dengan tidak secara langsung, agama Islam telah menjadi agama rasmi bagi negara ini. Agama Islam berkembang pesat meniti zaman-zaman pemerintahan para Sultan sehinggalah pada zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III, agama Islam begitu maju berkembang. Apabila baginda Sultan menaiki takhta pada tahun 1950, baginda telah berusaha memperbaiki taraf kehidupan rakyat<sup>2</sup>. Banyak perubahan kepada kebaikan dan kemajuan dapat dilihat pada zaman pemerintahan baginda selama 17 tahun dari segi ekonomi, kemasyarakatan, sistem pemerintahan dan lain-lain, sehingga menjadikan Brunei sebuah negara moden dan maju pada awal kurun kedua puluh. Dengan itu juga, baginda

---

<sup>1</sup> Sultan Muhammad Shah adalah Sultan Islam yang pertama bagi Brunei setelah baginda berkahwin dengan Puteri Johor antara tahun 1368-1370M. Ini bermakna bahawa Islam itu secara rasmi di Brunei pada zaman pemerintahan baginda dan juga bermaksud Agama Islam itu berkemungkinan besar telah tersebar lebih awal dari masa tersebut kerana kedudukan Brunei adalah menjadi laluan ulang alik pedagang-pedagang dan para ahli perniagaan Islam di rantau ini. (Mohd. Jamil Al-Sufri. (1991). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Brunei: Asia Printers. 74. Abdul Aziz bin Awang Juned. (1992). *Islam di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pusat Sejarah. XXIII-XXIV.

<sup>2</sup> Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2009). *Memoir Seorang Negerawan*. (Brunei: Pusat Sejarah Brunei. 78 & 80-115.

Sultan Omar Ali Saifuddien III juga dikenali dengan Arkitek Brunei Moden.<sup>1</sup>

Sejajar dengan kemajuan ini, baginda Sultan juga tidak lupa menaikkan taraf hal-ehwal Islam. Baginda menitikberatkan pendidikan Islam, membina masjid-masjid dan sekolah-sekolah agama, memberi kemudahan biasiswa kepada anak-anak Brunei untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama keluar Negara khususnya ke Timur Tengah.<sup>2</sup> Pada zaman pemerintahan Baginda ini juga diperkenalkan penubuhan satu jabatan khas untuk melaksanakan tugas-tugas perkembangan agama Islam iaitu Jabatan Hal-Ehwal Ugama yang dicantumkan dengan Adat Istiadat dan Jabatan Kebajikan pada tahun 1954<sup>3</sup> dan sekarang dikenali dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pembinaan Masjid Omar Ali Saifuddien pada tahun 1958 merupakan tanda keprihatinan baginda dengan agama Islam. Pelan asal mengenai reka bentuk dan juga kedudukan Masjid ini merupakan idea dan inspirasi baginda sendiri.<sup>4</sup> Perlembagaan Brunei tahun 1959 juga menyebutkan agama Islam adalah agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam.<sup>5</sup>

Apabila KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerintah Brunei,

---

<sup>1</sup> Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2009). *Memoir Seorang Negarawan*. 24.

<sup>2</sup> Ibid. 43 & 46-47.

<sup>3</sup> Ibid. 145.

<sup>4</sup> Ibid. 24.

<sup>5</sup> Mohd. Jamil Al-Sufri. (1998). *Brunei Darussalam The Road to Independence*. Awang Haji Mohamad Amin bin Hassan (Trans.). Brunei: Brunei History Centre. 78. Hussainmiya, B.A. (2001). *The Brunei Constitution of 1959 An Inside History*. 2<sup>nd</sup> ed. Bandar Seri Begawan: Brunei Press Sdn Bhd. 56.

Negara ini semakin maju dengan pesatnya. Begitu juga dengan agama Islam semakin kuat dan mantap perkembangannya. Baginda Sultan seperti juga ayahanda Baginda sangat mementingkan dan mengambil berat hal-hal berkaitan agama Islam dan mempraktikkan ajaran-ajaran agama Islam sebagai panduan lengkap kehidupan di dunia bagi Negara Brunei Darussalam dan sekalian rakyat. Agama Islam dijadikan sebagai salah satu elemen dalam falsafah Negara Melayu Islam Beraja. Beberapa kemudahan, perubahan dan kemajuan berkaitan agama Islam telah diusahakan pada zaman pemerintahan baginda Sultan ini, khasnya setelah Brunei mencapai kemerdekaannya tahun 1984. Antaranya penubuhan Pusat Da'wah Islamiah, pembinaan beberapa institusi pengajian Islam dan al-Qur'an, menambahbaik sekolah-sekolah agama, masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara, menyemarakkan sambutan-sambutan hari kebesaran Islam dan banyak lagi usaha baginda Sultan dalam memartabatkan agama Islam dan ajarannya demi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini.<sup>1</sup>

Menyentuh mengenai pendidikan agama Islam di Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengendalikan hal-hal berkaitan pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah dan menengah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Juga tidak ketinggalan pengajian al-Qur'an di negara ini dipantau dan dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui pelbagai jabatan di bawahnya.

---

<sup>1</sup> Abdul Aziz bin Awang Juned. (2001). *Mushaf, Tasbih, Tongkat: Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*. Brunei: Jabatan Percetakan Kerajaan. 1-7.

Kajian ini memfokuskan kepada pengenalan dan sejarah awal pengajian al-Qur'an dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya secara umum di Negara Brunei Darussalam. Juga mengupas sedikit sebanyak mengenai dengan skop pengajian al-Qur'an dari segi pembacaannya, penulisan dan pengajian Tafsir dan 'Ulum al-Qur'an serta perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Qur'an.

### **Pengajian Al-Qur'an di rantau Nusantara**

Pengajian al-Qur'an telah mula diperkenalkan seawal-awalnya dalam bentuk pembacaan ayat-ayat Kitab suci itu sendiri. Pembacaan al-Qur'an dengan betul lebih ditekankan daripada memahami makna dan pengertian ayat-ayat dan kandungan al-Qur'an itu. Natijah dari keadaan ini, ilmu tajwid telah diajarkan di mana-mana dan di sekolah-sekolah. Dalam pada itu, sungguhpun ilmu Tafsir kurang diberi perhatian, juga ada diajarkan dan dibawa masuk dari Timur Tengah ke kepulauan Melayu, sebagaimana ajaran Agama Islam itu sendiri. Jika di Tanah Melayu dan Indonesia, terdapat banyak kitab-kitab Tafsir klasik dibaca dan diajarkan dan kemudiannya diterjemahkan kepada bahasa Melayu dan Indonesia.<sup>1</sup> Keadaan ini mungkin berbeza sedikit di Brunei; iaitu penggunaan dan pengajaran kitab Tafsir klasik dalam bahasa Arab tidak didapati daripada mana-mana sumber maklumat yang sahih tentang kewujudannya pada zaman permulaan Islam masuk ke

---

<sup>1</sup> Wan Sabri Wan Yusuf. (1999). "The Translation of Quranic Exegesis in the Malay-Indonesian Archipelago: A Historical Survey". *Proceedings of the 7<sup>th</sup> International Conference on Translation*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. 204-205. Amin Maulana & Zulkifli Hj. Mohd Yusoff. (2009). "Pengajian Al-Qur'an di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah". *Khazanah Al-Qur'an dan Al-Hadith Nusantara*. Mustafa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (Ed.). Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 124.

Brunei sehingga zaman sebelum merdeka. Md. Zain<sup>1</sup> telah menyenaraikan beberapa kitab agama yang digunakan dalam pengajian Islam di Brunei pada masa dulu. Antara kitab yang ternama digunakan itu ialah kitab dalam ilmu fiqh *Matla' al-Badrayn* karangan Sheikh Daud al-Fatani, *Sabil al-Muhtadin* karangan Arshad al-Banjari, *Al-Mukhtasar* dan *Sirat al-Mustaqim* karangan al-Raniri, dalam ilmu Fara'idh kitab *Ghayat al-Taqrif fi al-Irthi wa al-Ta'sib*, dalam bab nikah kitab *Idhah al-Bab li Muridi Bab al-Nikah bi al-Sawab*, dan dalam ilmu tasawuf seperti kitab *Wisayat al-Afrah* dan *Hidayat al-Walid li al-Walad*. Seterusnya Md. Zain juga menjelaskan bahawa kitab-kitab tersebut umumnya adalah karya para ulama Nusantara dengan menggunakan bahasa Melayu. Ini disebabkan mereka kurang menguasai bahasa Arab walaupun mereka mempelajarinya dan sukar pula untuk mengatakan bahawa mereka membaca dan mengajar kitab-kitab sumber asal berbahasa Arab kerana ia sangat sukar didapati di Brunei pada masa tersebut.<sup>2</sup>

**Pengajian al-Qur'an di Brunei pada zaman pramerdeka**  
Sungguhpun terdapat banyak pendapat mengenai tarikh atau masa sebenar kedatangan agama Islam ke rantau Kepulauan Melayu, namun disepakati bahawa penyebaran agama suci ini adalah melalui pedagang-pedagang Islam dari Arab dan China. Abdullah Ishak telah menukulkan beberapa fakta sejarah mengenai kedatangan Islam ke rantau ini adalah sejak kurun ke-7 atau ke-8 Masihi dan bukannya pada kurun ke-13 Masihi. Manakala kedatangannya di Tanah Melayu sekurang-kurangnya sejak kurun ke-9 Masihi dan selewat-

---

<sup>1</sup> Md. Zain Haji Serudin. (1998). *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka. 233.

<sup>2</sup> Ibid. 233-234.

lewatnya pada kurun ke-12 atau 13 Masihi dan bukan pada kurun ke-15 Masihi.<sup>1</sup> Begitu juga halnya dengan di Brunei, terdapat banyak pendapat mengenai dengan kemasukan Islam ke dalamnya iaitu antara kurun ke-10 hingga kurun ke-15 Masihi. Namun Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman<sup>2</sup> telah merumuskan bahawa Brunei dalam proses pengislamannya telah melalui dua tahap, iaitu tahap pertama dalam abad ke-10 Masihi (977) Islam sudah masuk ke Brunei dibawa oleh orang-orang Arab yang datang dari negeri Arab atau Parsi. Begitu juga orang Arab yang datang dari negeri China, kemudian diikuti oleh pedagang Cina Muslim dalam abad ke-13 Masihi (1264). Pada tahap ini ajaran Agama Islam diterima oleh penduduk tempatan dalam bentuk yang terhad dan belum meluas. Manakala tahap kedua pula adalah dalam pertengahan abad ke-14 Masihi (1370) apabila raja Brunei dan para pembesar negeri diikuti oleh ramai penduduk Brunei memeluk Islam. Pada ketika inilah, raja Brunei Awang Alak Betatar telah menukar namanya kepada Sultan Muhammad Shah dan menjadi Sultan Islam pertama bagi Brunei. Walaupun sudah menganut Islam pada ketika itu, tetapi Sultan Brunei tidak dapat menzahirkan dan mengisytiharkan keIslamannya pada masa itu kerana masih hidup di bawah kongkongan kerajaan Majapahit. Brunei hanya dapat mengisytiharkan dirinya sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam setelah menjalin persahabatan dan mendapat pengiktirafan dari Pasai dan Melaka pada awal abad ke-15 Masihi.

---

<sup>1</sup> Abdullah Ishak. (1990). *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Petaling Jaya, Selangor: Al-Rahmaniah Badan Dakwah & Kebajikan Islam Malaysia. 36.

<sup>2</sup> Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman. (2007). *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka. 68-91.



Maka dengan kemasukan agama Islam ke rantau ini, khususnya di Brunei, bermula juga pengajaran dan pengajian al-Qur'an di samping pelajaran-pelajaran agama Islam yang lainnya. Ini memanglah perkara yang nyata dan tidak perlu dipersoalkan lanjut kerana agama Islam itu sendiri bersandarkan kepada al-Qur'an sebagai sumber rujukan yang paling utama. Sebagaimana di Tanah Melayu, pengajian al-Qur'an dan ajaran Islam pada peringkat awal dipelajari secara tidak formal sama ada di rumah, masjid, surau dan istana. Kemudian ia berkembang kepada pengajian yang lebih formal iaitu di institusi pengajian pondok.<sup>1</sup> Sama juga halnya di Brunei, pengajian al-Qur'an dimulai secara usaha persendirian atau masyarakat setempat iaitu secara tidak formal, kemudian bertukar kepada bentuk formal dan lebih sistematik. Berikut diterangkan lebih lanjut mengenainya, iaitu:<sup>2</sup>

### **(1) Pengajian al-Qur'an secara tidak formal**

Sebagaimana diterangkan sebelum ini, pengajaran agama Islam bermula sejak kemasukannya ke Brunei. Fokus utama pengajaran agama ini adalah mengajarkan pembacaan al-Qur'an dan juga pelajaran lain seperti Tauhid, Munakahat, Mu'amalat, Akhlak dan sebagainya. Tempat pengajaran pada masa itu adalah di rumah-rumah persendirian, surau-surau dan masjid. Tenaga pengajarnya pula pada mulanya

---

<sup>1</sup> Yus Sa'bariah Haji Adanan. (1992). "Kedatangan Awal Guru-Guru Agama Johor di Brunei". *Majalah PUSAKA*. Brunei: Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. No. 5. 54-55. Amin Maulana & Zulkifli Hj. Mohd Yusoff. "Pengajian al-Qur'an di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah". 125.

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Islam. (1994). "Perkembangan Pelajaran Al-Qur'an Sistem Ejaan Kaedah Baghdadiyah dan Yahyawiyah di Negara Brunei Darussalam". Kertas kerja dibentangkan di seminar Kaedah Pembacaan al-Qur'an Yang Mudah, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura. 4-10.

terdiri dari para muballigh yang datang ke Brunei untuk menyebarkan agama Islam.<sup>1</sup> Selepas beberapa ketika barulah peranan mereka ini diambil alih oleh orang-orang Brunei yang berkebolehan dalam mengajar agama ini.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Ulama atau muballigh yang muncul semasa penyebaran Islam di Brunei itu terdiri daripada golongan Syarif dan Sayyid, sebahagian besar mereka datang dari Timur Tengah. Dalam laporan Sepanyol mengenai Brunei pada tahun 1590, telah menceritakan bahawa para Syarif yang berada di Brunei telah mengajar al-Qur'an dan hukum-hukum agama kepada penduduk tempatan di masjid-masjid tanpa mengenakan sebarang bayaran. (Abdul Karim Haji Abdul Rahman. (t.t.). *Perkembangan Islam di Brunei: Satu Tinjauan dari Beberapa Sudut Bermula dari Abad ke-14 hingga Abad ke-19*. Brunei: t.p. 6-7.

<sup>2</sup> Para muballigh luar dan ulama-ulama Brunei yang mengajarkan agama Islam kepada kalangan rakyat tempatan itu menggunakan pusat-pusat pengajian antaranya di masjid-masjid dan juga balai. Balai merupakan bangunan yang sehubung dengan rumah tempat kediaman, lazimnya dipunyai oleh pembesar-pembesar negeri atau orang alim. Antara tujuannya ialah tempat menerima tetamu dan tempat belajar. Tujuan pengajian di balai itu ada dua iaitu:

(i) Pengajian umum yang tidak memerlukan kepandaian menulis dan membaca jawi, mengandungi beberapa perkara antaranya mengaji al-Qur'an, Zikir, hadrah, ibadat sembahyang dan rukun-rukun Islam yang lain, sifat dua puluh dan sebagainya. Pengajian ini bertujuan memenuhi keperluan masyarakat umum bagi melepaskan tuntutan Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah.

(ii) Pengajian khusus dan mendalam bagi yang pandai menulis dan membaca jawi kerana kitab-kitab dahulu ditulis dengan huruf jawi. Pengajian ini mengandungi pelajaran-pelajaran seperti ilmu Faraid, Munakahat, Tasawwuf dan Akhlak, Tauhid dan sebagainya.

Di samping itu juga terdapat beberapa pusat pengajian yang hanya tertumpu kepada pengajian membaca al-Qur'an. Md. Zain Haji Serudin. (1998). *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*. 230-233. Yus Sa'bariah Haji Adanan. "Kedatangan Awal Guru-Guru Agama Johor di Brunei". 55.

Berhubung dengan pengajaran dan pengajian al-Qur'an pada masa itu, menurut beberapa kajian,<sup>1</sup> tidak mempunyai sukatan pelajaran tertentu dan berpandukan kepada kitab "*Muqaddam*". Kitab ini mengandungi dua bahagian iaitu:

**Bahagian Pertama:** Pengenalan kepada huruf-huruf hijai'yyah yang bercerai dan bersambung serta berbaris dengan tanda-tanda baris seperti dhammah (depan), fathah (atas), kasrah (bawah), sukun (mati) dan sebagainya.

**Bahagian Kedua:** Nas-nas daripada beberapa surah al-Qur'an diambil dari juz terakhir iaitu daripada surah al-Naas hingga surah al-Naba' dan juga surah al-Fatihah di permulaannya.

Sementara sistem atau cara pengajaran yang digunakan adalah kaedah *Baghdadiyyah* yang memfokuskan kepada pengajaran pengenalan untuk membaca al-Qur'an sahaja. Di dalam kaedah ini para pelajar diajar untuk menyebut huruf-huruf hijai'yyah satu semi satu, kemudian dikenalkan untuk menyebutnya jika bersambung-sambung beserta dengan pengenalan kepada tanda-tanda baris dan cara menyebutnya. Jika mereka berjaya melepasi peringkat awal ini, pengajaran akan berpindah pula kepada membaca nas-nas dan ayat-ayat al-Qur'an dimulai dengan surah al-Fatihah, kemudian surah al-Naas sehingga surah al-Naba iaitu juz ketiga puluh. Jika mereka sempurna mempelajari *Muqaddam* ini baharulah

---

<sup>1</sup> Mohd. Dzahir Othman & Othman Mohamed. (1992). "Pengajian al-Qur'an dan Tafsir". *Pendidikan Islam Malaysia*. Ismail Ab. Rahman (Ed.). Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia. 122-123.

Abdul Latif bin Haji Jamaluddin. (1998) "Turuq Ta'lim Tilawat al-Qur'an al-Karim bi al-Madaris al-Thanauiyyah al-Wataniyyah bi al-Wilayah al-Fidraliyyah Kuala Lumpur". Tesis Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 41.

dapat memulakan mempelajari membaca mushaf al-Qur'an dimulai dengan surah al-Fatihah, diikuti dengan surah al-Baqarah dan seterusnya mengikut susunan mushaf.

Pengajaran dan pembelajaran membaca mushaf al-Qur'an itu pula melalui beberapa peringkat antaranya:

1. Membaca daripada permulaan mushaf hingga khatam dengan menitikberatkan dan mempraktikkan hukum-hukum tajwid.
2. Mengulang membacanya juga dari awal hingga khatam untuk menambahbaikkan mutu pembacaan dari segi tajwid dan fasahah.
3. Membaca dengan berlagu dan tarannum.<sup>1</sup>

Kaedah *Baghdadiyyah* ini, walaupun satu kaedah lama yang hanya menumpukan kepada kepandaian dan kemahiran membaca al-Qur'an semata-mata, ia telah memberi banyak faedah dan manfaat kepada masyarakat rantau ini dalam masa yang begitu lama dan diakui keberkesanannya dalam pengajaran pembacaan al-Qur'an. Seterusnya juga menjadi asas untuk melaksanakan satu kaedah baru dan lebih baik di dalam bidang pengajaran al-Qur'an.<sup>2</sup>

## **(2) Pengajian Al-Qur'an secara formal**

Pendidikan agama Islam bermula secara rasmi di Brunei pada tahun 1931 sebagai satu mata pelajaran diajarkan di beberapa sekolah terpilih sahaja selepas sembahyang Jumaat. Pada tahun 1936 pula ianya diajarkan sebanyak dua

---

<sup>1</sup> Abdul Halim El-Muhammadi. (1990). "Al-Qur'an dan Pembelajarannya di Malaysia". *Jurnal Pendidikan Islam*. vol. 3, no. 3. 2-3.

<sup>2</sup> Ibid. 3. Lihat juga: Abdul Latif bin Haji Jamaluddin. "Turuq Ta'lim Tilawat al-Qur'an al-Karim bi al-Madaris al-Thanauiyyah al-Wataniyyah bi al-Wilayah al-Fidraliyyah Kuala Lumpur". 41.

kali dalam seminggu dan dimasukkan di dalam kandungan jadual harian sekolah.<sup>1</sup> Kemudian pada tahun 1956 apabila bermulanya sekolah-sekolah agama di bawah pentadbiran Jabatan Hal-Ehwal Ugama (sekarang Kementerian Hal-Ehwal Ugama), maka bermulalah juga pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an bersama-sama dengan pelajaran agama Islam yang lain<sup>2</sup> dengan peruntukan lebih banyak masa dan perhatian berbanding yang diajarkan di sekolah-sekolah biasa. Dari saat itu, sistem pengajian al-Qur'an telah mengalami perubahan setelah ianya dijalankan secara tidak formal kepada satu bentuk yang lebih teratur, formal dan bersistem.

Untuk menuju ke arah mempertingkatkan pengajaran al-Qur'an dan memperbaikinya sesuai dengan peredaran masa, kemajuan dan keperluan pendidikan itu sendiri, pihak Kementerian Hal-Ehwal Ugama telah berusaha melakukan beberapa langkah dan perubahan yang patut, antaranya seperti:

1. Mendatangkan para guru yang berkemahiran dan pakar dalam bidang pengajaran al-Qur'an daripada negara luar, terutamanya dari Malaysia. Usaha ini masih berterusan sehingga kini di samping mengambil khidmat guru-guru tempatan yang sudah berkelayakan dan mahir.<sup>3</sup>
2. Menghantar para guru tempatan ke luar negeri untuk mempelajari dan mendalami ilmu pengajaran al-

---

<sup>1</sup> Asbol bin Haji Mail. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950-1985*. Brunei: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. 20.

<sup>2</sup> Ibid. 94.

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Islam. "Perkembangan Pelajaran Al-Qur'an Sistem Ejaan Kaedah Baghdadiyah dan Yahyawiyah di Negara Brunei Darussalam". 5.

Qur'an serta mempertingkatkan lagi pengetahuan mereka di dalam bidang pembacaan al-Qur'an<sup>1</sup>.

3. Memperkenalkan kaedah baru bagi pengajaran al-Qur'an di sekolah-sekolah, iaitu kaedah *Yahyawiyah* yang disusun oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim. Ianya mula diperkenalkan dan digunakan dalam pengajaran al-Qur'an di sekolah-sekolah agama pada tahun 1976.

Kaedah *Yahyawiyah* ini sebenarnya tidak banyak beza dari Kaedah *Baghdadiyyah*, kecuali pada cara mengeja sahaja, iaitu pada menyebut huruf-huruf hijai'yyah beserta dengan tanda-tanda baris dan membacanya. Tujuan diperkenalkan kaedah baru ini adalah untuk menyelaraskan sistem mengeja di dalam mempelajari al-Qur'an kerana sebelum ini terdapat berbagai mushaf al-Qur'an dengan bentuk tulisan yang berlainan yang menyebabkan kepada kepelbagaian cara mengeja huruf-huruf yang berbaris.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Antara penghantaran para guru agama tempatan ke luar negeri ini ialah pada tahun 1971 beberapa orang pegawai dan imam masjid dihantar belajar di pusat pengajian al-Qur'an di Pasir Mas, Kelantan, Malaysia dan pada tahun 1984, seramai 10 orang pegawai dan guru-guru agama dihantar ke Pasentren Al-Qur'an Al-Falah Cicalengka, Bandung, Indonesia. Jabatan Pengajian Islam. "Perkembangan Pelajaran Al-Qur'an Sistem Ejaan Kaedah Baghdadiyyah dan Yahyawiyah di Negara Brunei Darussalam". 6.

<sup>2</sup> Pengajaran al-Qur'an sejak kemasukan Islam di Brunei bergantung kepada kaedah *Baghdadiyyah* yang juga digunakan di sekolah-sekolah agama kemudiannya. Masalah timbul pada penggunaannya yang terdapat beberapa ikhtilaf atau perbezaan di kalangan para guru di dalam mempraktikkannya. Antara contohnya seperti mengeja ﴿ مِنْ رَبِّهِمْ ﴾ terdapat tiga perbezaan iaitu:

- Mim Nun Ra mati di bawah (مِنْ).
- Mim Nun Ra sabdu di bawah (مِنْ رَّ).

Dari penjelasan dan kenyataan ini dapatlah disimpulkan bahawa pengajaran al-Qur'an pada zaman dulu atau zaman sebelum merdeka sejak kemasukan agama Islam ke Brunei adalah lebih tertumpu kepada pengajaran pembacaan al-Qur'an, cara menyebut dan mengeja huruf beserta hukum-hukum tajwid yang betul. Penulis setakat ini belum mendapati dari mana-mana kajian terdahulu dan sumber-sumber yang diperakui tentang adanya pengajaran ilmu-ilmu berkaitan al-Qur'an yang lain seperti Tafsir dan 'Ulum al-Qur'an pada masa itu. Kalau pun ada hanya diketahui secara tidak langsung dari penerbitan buku Tafsir yang asalnya diambil dari ceramah ilmu tersebut di Masjid Omar Ali Saifuddien. Pengajian Tafsir di masjid ini pun hanya dimulakan pada tahun 1970an. Hal ini akan diterangkan kemudian. Apa yang nyata, pengajaran Agama Islam pada masa itu lebih memberi tumpuan kepada ilmu Tauhid dan Aqidah, Tasawwuf dan Akhlak, serta hukum-hukum syari'ah berkaitan ibadat, munakahat, mu'amalat dan sebagainya. Bagi pandangan penulis, faktor-faktor tumpuan lebih kepada perkara-perkara ini adalah kerana:<sup>1</sup>

- **Pengajaran Tauhid dan Aqidah Islamiyyah:** untuk menguatkan dan memantapkan aqidah orang-orang Brunei pada awal kemasukan Islam. Perkara

---

- Mim Nun mati di bawah ( مِنْ ), Ra di atas ( ر ).

Perbezaan-perbezaan ini merupakan faktor yang membawa kepada keperluan memperbaiki sistem kaedah *Baghdadiyyah* dan menjadikannya satu system baru iaitu kaedah *Yahyawiyah*. Contoh di atas, jika menggunakan kaedah *Yahyawiyah*, cara mengejanya adalah: Mim Nun mati di bawah ( مِنْ ), Ra Ba sabdu di atas ( ر ب ). Jabatan Pengajian Islam. "Perkembangan Pelajaran Al-Qur'an Sistem Ejaan Kaedah Baghdadiyyah dan Yahyawiyah di Negara Brunei Darussalam". 7-9.

<sup>1</sup> Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2013). "Al-Dirasat al-Qur'aniyyah fi al-Manahij al-Thanauiyyah fi Saltanat Brunei Darussalam: Dirasah Muqaranah". Tesis Ph.D. Malaysia: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 117.

ini memang memakan masa yang panjang dan agak lama, akan tetapi memang inilah antara tujuan kedatangan para ulama dan muballigh luar datang ke Brunei.

- **Pengajaran Tasawwuf dan Akhlak:** kerana penduduk tempatan begitu tertarik dan terkesan dengan sahsiah para muballigh dan ulama luar tersebut sehingga mereka menganut agama Islam dengan begitu mudah. Juga secara tidak langsung mereka mempelajari akhlak mulia para ulama ini kerana sememangnya mereka ini adalah dari kalangan ahli tasawwuf atau golongan sufi.<sup>1</sup>
- **Pengajaran hukum-hukum syari'ah:** kerana kepentingannya dalam urusan ibadah dan kehidupan masyarakat Islam seharian.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan Brunei sentiasa berusaha untuk memperluaskan pengajaran al-Qur'an dengan cara selain dari pengajarannya di sekolah-sekolah.<sup>2</sup> Antara usaha tersebut adalah menerbitkan penulisan Tafsir pertama secara bersiri pada tahun 1972 dan berterusan hingga selepas kemerdekaan. Asal teks kitab Tafsir ini adalah merupakan ceramah Tafsir yang disampaikan di Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Perkara ini akan dibincangkan kemudian dengan lebih lanjut. Penulis juga mendapati adanya satu penerbitan buku bertajuk "*Nuzul*

---

<sup>1</sup> Masuriyati Haji Yahya. (2008). "Tarekat Tasawwuf di Brunei Darussalam dalam Kurun ke-19: Satu Kajian Sejarah". Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Tasawwuf Islam anjuran Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam. 9.

<sup>2</sup> Untuk keterangan tambahan mengenai pengajian al-Qur'an pada masa sebelum kemerdekaan, sila rujuk: Pengiran Dr. Haji Mohammad. *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. 297-309.



*al-Qur'an*" yang mengandungi rencana dan artikel dalam bahasa Melayu dan Inggeris mengenai 'Ulum Al-Qur'an, yang ditulis oleh beberapa orang penulis dan persatuan dari dalam dan luar Negara seperti Malaysia, Singapura dan Persatuan Pelajar Islam Amerika dan Kanada. Ia diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada tahun 1967 sempena Tahun Baru Hijrah 1400H.<sup>1</sup> Namun tidak dinyatakan secara lebih lanjut dan terperinci mengenai latar belakang penulisan setiap rencana dan artikel tersebut adakah khusus untuk penerbitan buku itu atau telah diambil dari mana-mana penerbitan atau sumber rujukan lain.

### **Pengajian al-Qur'an di Brunei pada zaman pascamerdeka**

Setelah Brunei mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984, pihak kerajaan semakin giat berusaha dan mengambil beberapa inisiatif yang menyumbang kepada pengembangan pengajaran al-Qur'an dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya. Tujuannya adalah semata-mata mempertingkatkan pengetahuan masyarakat Brunei di dalam kemahiran pembacaan al-Qur'an dan memahami isi kandungannya. Kebanyakan usaha ini masih banyak tertumpu kepada lapangan pembacaan al-Qur'an dan ditambah dengan lapangan hafazan. Juga inisiatif meningkatkan mutu pengajian al-Qur'an ini dari segi lain seperti penerbitan buku-buku yang berkaitan dan kajian-kajian bersesuaian serta rancangan-rancangan menerusi media elektronik. Berikut diterangkan beberapa usaha dan inisiatif tersebut, iaitu:

---

<sup>1</sup> Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1967). *Nuzul al-Qur'an*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.

## **(1) Memperbaiki kaedah digunapakai dan memperkenalkan kaedah baru pengajaran al-Qur'an**

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, Kaedah Baghdadiyyah telah digunakan di dalam pengajaran al-Qur'an sejak sekian lama. Setelah itu diperkenalkan Kaedah Yahyawiyah di sekolah-sekolah agama bagi tujuan penyelarasan. Sesuai dengan peredaran masa dan kemajuan, Kementerian Ehdwal Uqama NBD memperkenalkan satu kaedah lagi untuk digunakan dalam pengajaran al-Qur'an di sekolah-sekolah dan masjid-masjid di Brunei, iaitu kaedah "Iqra". Asal kaedah ini adalah dari Indonesia, disusun oleh Ustaz Haji As'ad Humam. Di samping itu juga ada dua kaedah lain diperkenalkan iaitu kaedah *Qira'ati* dan kaedah *Darussalam*.<sup>1</sup> Kesemua kaedah ini (*Baghdadiyyah*, *Yahyawiyah*, *Iqra'*, *Qira'ati* dan *Darussalam*) tidak banyak perbezaan, bahkan saling lengkap-melengkapi dalam menjadi rujukan pengajaran al-Qur'an dan terus-menerus diguna pakai sehingga hari ini.

## **(2) Fungsi masjid-masjid di dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an**

Sememangnya fungsi masjid dalam pengajaran al-Qur'an telah bermula sejak dulu lagi akan tetapi dengan cara yang agak kurang formal dan tidak sistematik. Tidak juga dapat dipastikan bila bermula pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an di masjid-masjid ini secara formal, namun apa yang pasti ia dijalankan dengan lebih berkesan secara formal dan bersistem tersusun selepas merdeka. Ianya merangkumi

---

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam. "Perkembangan Pelajaran Al-Qur'an Sistem Ejaan Kaedah Baghdadiyyah dan Yahyawiyah di Negara Brunei Darussalam". 10.

pengajaran dan pembelajaran pembacaan ayat-ayat suci al-Qur'an bertajwid, memahami ayat-ayat atau ilmu Tafsir dan berlagu (tarannum).

Antara beberapa pendekatan dan cara pengajaran al-Qur'an di masjid-masjid ini adalah seperti:<sup>1</sup>

- **Pendekatan Halaqah:** berbentuk bulatan terdiri daripada 10 hingga 20 orang pelajar dan kaedah pengajaran selalunya berbentuk *tasmi'*, *talaqqi* dan *musyafahah*.
- **Pendekatan Tadarus al-Qur'an:** biasanya terdiri daripada orang-orang dewasa yang telah mampu membaca al-Quran dengan baik. Ianya banyak menggunakan cara *tasmi'* dan *tashih*, yakni memperdengarkan bacaan dan dibetulkan kesalahan yang ada oleh orang-orang yang mendengar bacaan tersebut.
- **Kaedah Ceramah:** biasanya diadakan selepas solat Maghrib sehingga masuk waktu 'Isya. Ceramah seperti ini lebih menyentuh kepada Tafsir al-Qur'an dalam memahami makna ayat-ayat al-Qur'an yang terpilih atau yang berkaitan dengan isu-isu semasa. Walaubagaimanapun, kaedah ceramah ini biasanya lebih tertumpu kepada Fiqh, Tauhid, Akhlak dan Sirah.

Kebanyakan masjid-masjid di Brunei pada masa ini menjalankan kelas-kelas al-Qur'an untuk peringkat kanak-kanak dan remaja yang berminat, bermula dari tahap kitab

---

<sup>1</sup> Maimun Aqsha bin Haji Abidin Lubis & Dk. Hj Nur Ashikin Bte Pg Hj Petra. (1999). "Peranan Mushaf Brunei Darussalam (Rasm Othmani) serta Institusi Masjid dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an dan Terjemahannya di Negara Brunei Darussalam". *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-7*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. 139-147.

Muqaddam hinggalah pembacaan kitab al-Qur'an itu sampai khatam. Hal ini juga terdapat di beberapa buah sekolah khas mengajar al-Qur'an yang dijalankan secara persendirian dan mendapat kelulusan dari pihak-pihak yang berkenaan. Biasanya kelas-kelas seperti ini dijalankan setiap Jumaat dan Ahad mengikut penggal persekolahan biasa.

### **(3) Penulisan al-Qur'an dan ilmu-ilmu berkaitan i- Penulisan Mushaf Brunei Darussalam, Mushaf Jami'ah Brunei Darussalam dan Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Penulisan Mashaf Brunei Darussalam merupakan usaha yang paling besar direalisasikan oleh kerajaan Brunei untuk meninggikan martabat al-Qur'an dan pengajarannya. Idea untuk usaha ini dipersembahkan kehadapan majlis KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah diperkenankan pada bulan November 1986.

Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk meneliti penulisan al-Qur'an dengan tulisan tangan ini. Pada bulan Februari 1987 Kementerian Waqaf Mesir telah memilih dan melantik Al-Fadhil Al-Ustaz As-Sayyid As-Sa'id Abdul Wahid Jadallah untuk menjadi jurutulis untuk penulisan Mashaf ini, selepas jawatankuasa menyembahkan perakuan supaya didatangkan pakar dari Mesir bagi membantu Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam tugas yang mulia ini. Menyusul pada bulan Mac 1987 perlantikan seorang lagi pakar dan hafiz al-Qur'an iaitu Asy-Syeikh Ismail Amir untuk menyelia dan mentashih mushaf tersebut. Asy-Syeikh Ismail ini kemudiannya diganti oleh Asy-Syeikh Mahmud Hafiz Baranik, Ketua Bahagian Bimbingan Hal Ehwal Al-Qur'an dan Pengerusi Lembaga Pemeriksa Mashaf

Universiti Al-Azhar, dengan pertolongan dan kerjasama Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Syeikh Al-Azhar Jadal Haq Ali Jadal Haq.

Penulisan mushaf ini dimulakan pada 25 April 1988 dan selesai pada 28 November 1989, beserta dengan kerja-kerja penyemakan dengan meneliti dan membetulkan. Kemudian diulang lagi penelitian dan pembedulan untuk kali kedua secara menyeluruh dengan memerhati dan menjaga kaedah-kaedah Rasm 'Uthmani, di bawah pengawasan Universiti al-Azhar Mesir. Kerja-kerja penelitian dan pembedulan ini telah melalui beberapa proses antaranya penelitian dan pembedulan yang dilakukan oleh satu jawatankuasa khas dengan kerjasama dari pihak Universiti al-Azhar. Kemudian penyemakan dilakukan lagi oleh satu jawatankuasa lain yang mengandungi beberapa tokoh Masyayikh yang telah dilantik oleh Universiti al-Azhar. Selepas selesai penyemakan kali terakhir barulah mushaf ini dicetak dan diterbitkan serta dilancarkan secara rasmi pada 3 Oktober 1992 pada satu majlis khas sempena perayaan Jubli Perak Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mushaf Brunei Darussalam ini merupakan satu projek keIslaman Negara yang mempunyai pelbagai keistimewaan. Antara matlamat penulisan mushaf ini adalah:<sup>1</sup>

- Sebagai membesarkan, memuliakan dan meninggikan al-Qur'an.

---

<sup>1</sup> Muhammad Nur Lubis. (2002). *Sejarah Penulisan Mushaf Asy-Syarif*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. 64-84.  
Muhammad Nur Lubis. (2009). "Ristaan Penulisan Mushaf al-Qur'an al-Karim dan Tafsirnya di Negara Brunei Darussalam". *Khazanah Al-Qur'an dan Al-Hadith Nusantara*. 167-176.

- Menjadi tanda sejarah bagi zaman pemerintahan baginda Sultan sebagai satu projek keIslaman yang besar.
- Untuk mengilhami generasi yang akan datang agar turut sama meninggikan syi'ar Islam dengan memuliakan al-Qur'an dan pengajarannya.

Di samping itu juga, mushaf ini telah dilancarkan pemberiannya kepada seluruh rakyat beragama Islam di Negara ini. Ia digunakan di sekolah-sekolah agama dan masjid-masjid di seluruh Negara.

Manakala Mushaf Jami'ah Brunei Darussalam merupakan penulisan mushaf al-Qur'an kali kedua secara rasmi di Negara ini. Ianya bermula pada 1 Ramadhan 1413H bersamaan 23 Februari 1993 sempena Sambutan Ulangtahun ke-9 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Tujuan utama penulisan Mushaf Jami'ah ini adalah bagi menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam, dengan didasari niat mengambil berkat (*tabarruk*) daripada al-Qur'an ini. Penggantian secara rasmi telah dilaksanakan pada 15 Jamadilawal 1417H bersamaan 28 September 1996 pada Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam ke-8.<sup>1</sup>

Sementara Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali pula adalah inisiatif UNISSA untuk memiliki mushaf khas bagi dijadikan Cokmar Universiti. Pelancaran Penulisan Mushaf al-Qur'an UNISSA telah diadakan pada 26 Zulkaedah 1432 bersamaan dengan 24 Oktober 2011, bersempena Majlis

---

<sup>1</sup> Muhammad Nur Lubis. *Sejarah Penulisan Mushaf Asy-Syarif*, 84-91. Muhammad Nur Lubis. "Ristaan Penulisan Mushaf al-Qur'an al-Karim dan Tafsirnya di Negara Brunei Darussalam". 176-181.

Perasmian Mahrajan Hafal Al-Takharruj Pertama UNISSA. Apa yang lebih menarik dan unik tentang Mushaf UNISSA ini ialah ia telah diperkenankan oleh baginda Sultan untuk ditulis oleh anak tempatan Brunei, berbanding dua mushaf yang sudah ada iaitu Mushaf Brunei Darussalam dan Mushaf Universiti Brunei Darussalam telah ditulis oleh penulis-penulis yang dipinjam daripada luar negeri.<sup>1</sup>

## ii- Penulisan Tafsir dan 'Ulum al-Qur'an

Penerbitan Tafsir al-Qur'an di Brunei sebenarnya telah bermula sebelum merdeka iaitu pada tahun 1972 apabila muncul terbitan pertama dalam bentuk majalah bersiri yang dikenali dengan nama Siri Tafsir Darussalam. Teks asal Tafsir ini adalah ceramah Tafsir Al-Qur'an di Masjid Omar Ali Saifuddien yang diadakan pada tiap-tiap hari Sabtu malam Ahad bermula selepas sembahyang Maghrib hingga masuk waktu 'Isya.<sup>2</sup> Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada masa itu telah bertanggungjawab untuk mengaturkan pegawai-pegawainya, khasnya lepasan Universiti Al-Azhar, Mesir, untuk menulis teks ceramah Tafsir tersebut. Maka dari naskhah-naskhah tafsir yang mereka tulis dan ceramahkan inilah dikumpul dan disunting agar bersesuaian untuk tujuan

---

<sup>1</sup> Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu 'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Mahrajan Hafal al-Takharruj Pertama dan Istiadat Pelancaran Penulisan Mushaf Al-Qur'an UNISSA pada 24 Oktober 2011. Lihat juga: Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2013). "Sumbangan Negara Brunei Darussalam Ke Arah Transformasi Ummah Melalui Penyebaran Pengajian al-Qur'an: Zaman Pascamerdeka 1984 Hingga Kini". *Quraan Melonjak Transformasi Ummah*. Adnan Mohamed Yusoff et. al. (Ed.). Malaysia: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. 614.

<sup>2</sup> Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1975). *Siri Tafsir Darussalam (1)*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. 7-8.

penerbitan. Sehingga tahun 1986, ia telah diterbitkan sebanyak 114 siri oleh Bahagian Penerangan dan Tabligh tersebut.<sup>1</sup> Apabila Pusat Da'wah Islamiah ditubuhkan dan bahagian tersebut diserapkan ke bawah pentadbirannya, usaha penerbitan siri Tafsir tersebut dengan sendirinya berada di bawah kelolaan Pusat itu. Siri Tafsir tersebut hanya mencapai setakat siri 136 iaitu sehingga juz ke-22 dari Surah al-Saaffat.<sup>2</sup>

Pada muqaddimah Siri Tafsir Darussalam ini terdapat satu rencana ringkas mengenai 'Ulum al-Qur'an yang mengandungi penerangan mengenai makna perkataan "al-Qur'an" dan "Wahyu", faedah-faedah membaca al-Qur'an dan kelebihan-kelebihan serta fadhilat-fadhilat beberapa ayat-ayat Al-Qur'an. Ianya ditulis oleh Al-Marhum Ustaz Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.<sup>3</sup>

Sementara itu pada tahun 1994 Pusat Da'wah Islamiah juga telah menyiapkan terjemahan 30 juz al-Qur'an yang diusahakan semenjak tahun 1987 oleh beberapa orang pegawai lepasan Al-Azhar. Terjemahan tersebut telah selesai disemak dalam tahun 1997 oleh pegawai-pegawai utama dan tenaga akademik Institut pengajian Islam. Ia telah

---

<sup>1</sup> Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1986). *Siri Tafsir Darussalam (114)*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

<sup>2</sup> Pusat Da'wah Islamiah. (1998). *Siri Tafsir Darussalam (136)*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. 2355. Untuk penerangan lebih lanjut mengenai Tafsir Darussalam ini, sila rujuk: "Teks Ucapan YM Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Doa Selamat Bagi Kerja Penyusunan dan Penyemakan Tafsir Darussalam" pada 10 Jamadilakhir 1428H/25 Jun 2007M. <http://www.religious-affairs.gov.bn>. dan Muhammad Nur Lubis. (2002). *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran Al-Qur'an di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers. 112-127.

<sup>3</sup> Jabatan Hal Ehwal Ugama. *Siri Tafsir Darussalam (1)*. 9-14.



siap dilaksanakan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi persiapan untuk diterbitkan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Secara ringkas, terdapat dua set kitab Tafsir diusahakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu:

- **Set kitab pertama:** Tafsir Darussalam terjemahan 30 juz, iaitu tafsir ringkas makna ayat-ayat Al-Qur'an dengan keterangan bagi sesetengah ayatnya.
- **Set kitab kedua:** tafsir lengkap ayat-ayat al-Qur'an yang menghuraikan kandungan maknanya dan latarbelakang ayat-ayatnya yang tertentu. Ia dinamakan kitab Huraian Tafsir Darussalam dan akan diterbitkan dalam beberapa jilid.<sup>1</sup>

Pada 6 September 2009 set pertama kitab tafsir ini telah mula dilancarkan dengan penerbitan jilid pertama yang mengandungi juz pertama hingga ketiga.<sup>2</sup> Kemudian disusuli dengan jilid kedua dan seterusnya hingga lengkap 10 jilid. Setiap jilid mengandungi tiga juz al-Qur'an berserta terjemahannya. Akan tetapi ia tidak dinamakan Tafsir Darussalam.<sup>3</sup> Ia dinamakan "Mushaf Brunei Darussalam dan

---

<sup>1</sup> "Teks Ucapan YM Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Doa Selamat Bagi Kerja Penyusunan dan Penyemakan Tafsir Darussalam". Za'im Zaini. (2007). "Ministry begins work on Tafsir Darussalam". *Borneo Bulletin*. 26 June 2007. <http://www.brusearch.com/news/11381>.

<sup>2</sup> "Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemhannya jilid pertama diserahkan". *Pelita Brunei*. 25 November 2009. <http://www.pelitaibrunei.gov.bn/news/pelita/25nov09/berita01.htm>.

<sup>3</sup> Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, Tafsir Darussalam adalah kitab tafsir pertama yang wujud di Brunei yang bermula penulisannya pada tahun 1972. Asal teks tafsir ini adalah daripada teks ceramah tafsir yang diadakan di Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien Bandar Seri Begawan. Tafsir ini terhenti penerbitannya pada tahun 1998 hingga surah al-Saaffat sahaja.

Terjemahannya” yang kemudiannya diterbitkan menjadi satu jilid terjemahan al-Qur’an 30 juz. Pelancaran edisi lengkap 30 juz “Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya” ini telah diadakan pada 17 Ramadhan 1435H bersamaan dengan 14 Julai 2014M. Ia disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur’an Peringkat Negara Tahun 1435 Hijrah/2014 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Detik tersebut merupakan satu lagi catatan sejarah terpahat bagi Negara Brunei Darussalam dalam bidang pengajian dan penterjemahan al-Qur’an. Ia adalah hasil usaha seratus peratus anak tempatan yang diterbitkan bagi memberi kemudahan kepada umat Islam di negara ini untuk memahami, mendalami isi al-Qur’an dan membuat sebarang rujukan berkaitan dengannya. Ia juga merealisasikan hasrat Negara Brunei Darussalam untuk memiliki bahan rujukan dalam memahami kandungan al-Qur’an.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur’an Peringkat Negara Tahun 1435Hijrah/2014 Masihi. Lihat: Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman. (2014). “Berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur’an Peringkat Negara Tahun 1435 Hijrah”. *Pelita Brunei*. <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/12235-berangkat-ke-majlis-sambutan-nuzul-al-quran-peringkat-negara-tahun-1435-hijrah>. Lihat juga: Sarinah Yahya. (2015). “Manhaj Tafsiran Ayat Sifat dalam Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya”. Prosiding Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha‘irah dan Maturidiyyah dalam Pemantapan Akidah Islamiah 04-05 Zulkaedah 1436H / 19-20 Ogos 2015. Brunei: Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA. 213.

Apa yang diharapkan ialah kitab Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya ini akan digunakan secara meluas, khasnya di negara ini sendiri dan tidak lagi bergantung penuh kepada penerbitan terjemahan al-Qur'an dari negara luar. Begitu juga halnya dengan set kedua kitab Tafsir yang akan mengandungi huraian dan tafsiran terperinci al-Qur'an<sup>1</sup> agar sentiasa menjadi rujukan rakyat Islam di negara ini serta diharapkan ilmu Tafsir dan 'Ulum al-Qur'an akan berkembang pesat dan maju di Negara Brunei Darussalam.

### **iii- Penubuhan institusi dan pusat pengajian al-Qur'an**

Penubuhan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah bolehlah dianggap sebagai hasil usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam pengembangan da'wah islamiyyah dan mengangkat martabat Kitabullah melalui pengajian al-Qur'an dari segi hafazannya.

Institut ini ditubuhkan dengan rasminya pada 08 Rejab 1413H/01 Januari 1993M. Ianya merupakan sebuah institusi pengajian yang menggabungkan penghafalan al-Qur'an sebagai dasar dan teras dengan pengajian dan pembelajaran ilmu-ilmu al-Qur'an dan beberapa mata pelajaran lain. Kurikulum yang diajarkan di Institut ini merangkumi mata pelajaran Al-Qur'an, Akademik, Pengetahuan Ugama Islam dan Pengajian Bahasa Arab. Fungsi utamanya adalah bagi mewujudkan para profesional dan ulama yang bersepadu

---

<sup>1</sup> Set kedua Tafsir ini sedang dalam proses penulisan dan penilaian berterusan yang dijalankan oleh pihak Unit Tafsir, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei di bawah pengendalian Pusat Da'wah Islamiah. Penulis merupakan antara Panel Penyemak (Masyayikh) Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya dengan lantikan bermula pada 19 Oktober 2015 hingga kini. Ruj. (23) KHEU PDI 900/003.

dan pada waktu yang sama sebagai para hafiz al-Qur'an dengan menguasai kedua-dua Bahasa Arab dan Inggeris selain dari Bahasa Melayu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya Institut ini ditadbirkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Langkah ini bertujuan menyatukan amal jariah Baginda di bawah pengurusan yayasan Baginda sendiri. Pada 30 Zulkaedah 1426H bersamaan 01 Januari 2006M Institut ini secara rasmi dikendali dan diuruskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan mencantumkan semua program dan skim di Pusat Pengajian dan Penyebaran al-Qur'an (PPPQ), KHEU, ke dalam Institut Tahfiz al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini serta memikirkan perkembangan Institut ini selanjutnya supaya ia berperanan lebih tepat dengan keperluan negara dari segi pengajian al-Qur'an di samping melahirkan rakyat yang hafaz al-Qur'an.<sup>1</sup>

Sementara itu, Pusat Pengajian dan Penyebaran al-Qur'an MABIMS (PPPQ MABIMS) pula merupakan sebuah pusat yang ditubuhkan oleh Negara-Negara anggota MABIMS. Keputusan penubuhannya dipersetujui pada Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) kali ke-5 pada tahun 1994. Melalui mesyuarat Majlis Ugama Islam kali ke-8 1416/1996 pada 06 dan 13 April 1996, para perwakilan telah bersetuju supaya Pusat tersebut ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam dan diletak di bawah bidang kuasa dan pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. Keputusan ini juga telah disembahkan ke

---

<sup>1</sup> "Pengenalan Ringkas Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah". <http://www.religious-affairs.gov.bn>.

hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda telah mengambil maklum mengenai perkara ini melalui warkah Baginda bertarikh 01 Mei 1996. Konsep pusat ini antara lain merupakan sebuah institusi yang membudayakan pembacaan al-Qur'an dengan kaedah-kaedah pengajaran dalam usaha mencapai hasil pembacaan al-Qur'an yang mempunyai nilai yang tinggi dalam bidang Qira'at yang diakui. Juga menjadi sebuah institusi ikhtisas yang boleh memberikan kemudahan perkhidmatan kepada umat Islam Negara-Negara Anggota MABIMS untuk menambah kecekapan dan kemahiran ikhtisas dalam bidang al-Qur'an. Pusat ini juga berkonsepkan sebuah institusi induk kepada sebarang badan atau pusat dalam kalangan Negara-Negara Anggota MABIMS dalam bidang Pengajian dan Penyebaran al-Qur'an.

Antara tujuan penubuhannya pula adalah seperti berikut:

- Untuk mewujudkan kerjasama Negara-Negara Anggota MABIMS dalam bidang pengajian dan penyebaran al-Qur'an.
- Untuk melahirkan pembaca-pembaca al-Qur'an yang dapat menguasai pembacaan al-Qur'an yang bermutu tinggi serta melahirkan pakar-pakar dalam bidang ilmu Qira'at.
- Untuk melahirkan pakar-pakar dalam bidang ilmu-ilmu al-Qur'an.
- Menggerakkan proses pengembangan dan penyebaran al-Qur'an dan pengajarannya dalam kalangan Negara-Negara Anggota MABIMS.
- Untuk meningkatkan kesedaran dan kualiti umat Islam terhadap penguasaan al-Qur'an dalam berbagai aspek.

- Untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan wawasan kandungan al-Qur'an.
- Untuk meningkatkan pemahaman mengenai perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi yang bersumber al-Qur'an.
- Untuk memberikan jawapan terhadap berbagai cabaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam era globalisasi dan modenisasi.
- Mempersiapkan generasi penerus yang mampu memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam secara utuh bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah dalam segala aspek kehidupan.

Manakala fungsi pusat ini adalah menyelenggarakan kursus tahsin, tilawah al-Qur'an, Qira'at dan ilmu-ilmu al-Qur'an, membuat kajian dan penyelidikan tentang perkara-perkara yang berhubung dengan al-Qur'an dan ilmu-ilmunya serta menyelenggarakan forum, bengkel, seminar, kursus dan seumpamanya mengenai al-Qur'an.<sup>1</sup>

#### **iv- Pelajaran al-Qur'an dan ilmu-ilmunya di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi**

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, al-Qur'an telah mula diajarkan sejak mula Islam disebarkan di Negara ini. Keutamaan lebih ditujukan kepada pembacaan ayat-ayat al-Qur'an itu dengan tajwid yang betul. Pada masa permulaan pendidikan agama diajarkan secara formal iaitu tahun 1931, agama Islam mula diajarkan sebagai satu mata pelajaran di sebuah sekolah Melayu di Bandar Brunei selepas

---

<sup>1</sup> "Pengenalan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS (PPPQ MABIMS)". <http://pppq-mabims.blogspot.com>.

sembahyang Fardhu Jumaat,<sup>1</sup> adalah sukar di pastikan mengenai isi kandungan pelajaran agama tersebut sama ada mengandungi pelajaran al-Qur'an atau hanya mata pelajaran lain seperti Ibadat, Tauhid, Akhlak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pelajaran ini hanya berjalan sehingga awal tahun 1950an dan hanya diadakan di beberapa Sekolah Melayu. Selepas itu pelajaran agama itu telah tidak diajarkan di sekolah-sekolah, lebih-lebih lagi setelah tertubuhnya Sekolah Rendah Agama pada tahun 1956. Namun kira-kira sembilan tahun kemudian, satu mata pelajaran agama telah dimasukkan ke Sekolah Melayu SMJA pada 1 Julai 1965 bagi faedah-faedah untuk diambil dalam peperiksaan bersijil.<sup>2</sup>

Agak kurang jelas bila masa sebenar mata pelajaran agama Islam sebagai mata pelajaran mula diajarkan di semua sekolah rendah dan menengah di Negara ini, akan tetapi apa yang nyata mata pelajaran agama Islam itu telah diperkembangkan dan diwajibkan ke semua sekolah-sekolah di seluruh negara pada tahun 1965 itu.<sup>3</sup>

Antara kurikulum dan sukatan pelajaran mata pelajaran agama Islam ini adalah al-Qur'an bagi semua peringkat rendah dan menengah, Tafsir bagi peringkat menengah bagi peperiksaan GCE Peringkat 'O' dan pra-universiti bagi

---

<sup>1</sup> Md. Zain bin Haji Serudin. (1983). *Peranan Ugama Islam dalam Pendidikan*. Brunei, t.p. 26.

<sup>2</sup> Ibid. 31-32.

<sup>3</sup> Zakiah binti Haji Taib, *Pengajian Tauhid di Negara Brunei Darussalam: Kajian Perbandingan di Sekolah Menengah Arab Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan*, Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2001, 41.

peperiksaan GCE Peringkat 'A' dan 'Ulum al-Qur'an bagi peringkat prauniversiti sahaja.<sup>1</sup>

Pelajaran al-Qur'an di sekolah-sekolah agama pula merupakan pelajaran teras yang dimestikan bagi setiap darjah semenjak penubuhannya dan diberi peruntukan waktu yang banyak. Ia sememangnya menjadi hasrat supaya para pelajar akan pandai membaca al-Qur'an melalui sekolah-sekolah agama ini.<sup>2</sup>

Sementara di sekolah-sekolah Arab pula, pelajaran al-Qur'an iaitu bacaan, hafazan dan Tafsir diajarkan di semua peringkat sekolah tersebut iaitu peringkat persediaan, menengah dan pra-universiti, dengan tambahan pelajaran 'Ulum al-Qur'an pada peringkat pra-universiti.<sup>3</sup> Pelajaran bacaan dan hafazan al-Qur'an serta tajwid adalah sebagai satu mata pelajaran, Tafsir sebagai satu mata pelajaran dan 'Ulum al-Qur'an digandingkan dengan Tafsir sebagai satu mata pelajaran di peringkat pra-universiti.

Pelajaran al-Qur'an, hafazan, Tafsir dan 'Ulum al-Qur'an juga diajarkan di institusi pengajian tinggi agama iaitu di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Pelajaran-pelajaran berkaitan al-Qur'an di kedua-dua buah institusi ini akan meningkat dengan peningkatan peringkat

---

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, *Pendidikan Ugama Negara Brunei Darussalam*, (Brunei: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1996), 145-147.

<sup>2</sup> Ibid., 137. Abdul Hamid bin Mohd Daud, *Perkembangan Persekolahan Agama di Negara Brunei Darussalam dari Tahun 1956-1984 Masihi*, (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 84-88.

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Islam, *Pendidikan Ugama Negara Brunei Darussalam*, 164-167.



pengajian dan bidang kursus dengan penambahan beberapa mata pelajaran lain yang berkaitan. Misalnya di UNISSA, kursus berkaitan dengan al-Qur'an dan ilmu-ilmunya ini adalah seperti Tafsir Mawdhu'ie, Tafsir Tahlili, al-Dakhil fi al-Tafsir (al-Isra'iliyyat), 'Ulum al-Qur'an, Dirasah Nassiyyah fi Kutub al-Tafsir, Manahij al-Mufasssirin dan banyak lagi.<sup>1</sup> Sementara di KUPU SB mata pelajaran tersebut adalah seperti Tafsir Ayat Ahkam, Tarannum al-Qur'an, Tafsir Mawdhu'ie, 'Ulum al-Qur'an dan lain-lain lagi.<sup>2</sup>

Selain usaha-usaha dalam mengembangkan pengajaran al-Qur'an dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya semenjak merdeka yang telah diterangkan di atas, terdapat banyak lagi inisiatif-inisiatif lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antaranya ialah seperti Musabaqah Membaca dan Hafazan al-Qur'an beserta Tafsirannya, penerbitan rancangan-rancangan berbentuk Islamik yang menjurus kepada pengajian al-Qur'an melalui radio dan televisyen, acara tadarrus al-Qur'an di bulan Ramadhan, acara khatam al-Qur'an di beberapa tempat di Negara ini seperti sekolah-sekolah, masjid-masjid, jabatan-jabatan, kementerian-kementerian dan sebagainya, skim galakan khatam al-Qur'an, Majlis Qurra dan banyak lagi usaha kerajaan yang tidak henti-henti dalam mengembangkan syi'ar Islam dan memuliakan Kalam Allah melalui pengajian al-Qur'an dan ilmu-ilmunya ini.

Satu perkembangan yang dilihat signifikan berkaitan dengan pengajian al-Qur'an ini ialah kuliah-kuliah tadabbur al-

---

<sup>1</sup> "Buku Panduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali Sesi 2007-2008".

<sup>2</sup> "Buku Panduan Akademik Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Negara Brunei Darussalam 2007".

Qur'an yang semakin mendapat perhatian masyarakat Islam masa kini. Salah satu usaha ini ialah Program Tadabbur al-Qur'an yang dijalankan di UNISSA. Program ini diadakan adalah untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada al-Qur'an melalui rujukan dan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Ini selaras dengan konsep Negara Zikir dan rakyat celik al-Qur'an sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.<sup>1</sup> Sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk menjalankan program ini yang bermula pada sesi pengajian 2017/2018. Antara objektif program ini ialah:

1. Memberikan kefahaman al-Qur'an dan penghayatan yang betul kepada para peserta bersumberkan kitab tafsir yang muktabar.
2. Melahirkan peserta yang mencintai, memahami dan menghayati al-Qur'an dalam kehidupan seharian seterusnya mendekati diri kepada Allah.
3. Merealisasikan konsep Negara Zikir dan celik al-Qur'an sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Sebagai sumbangan dan khidmat bakti Universiti Islam Sultan Sharif Ali amnya dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat khasnya dalam usaha memartabatkan al-Qur'an al-

---

<sup>1</sup> Maklumat program ini boleh dirujuk dalam laman sesawang rasmi UNISSA: <http://www.unissa.edu.bn/faculties-centres/centres/leadership-and-lifelong-learning-centre/short-courses/program-tadabbur-al-quran/>

Karim sebagai sumber utama ajaran Islam di Negara Brunei Darussalam.<sup>1</sup>

### **Kesimpulan**

Sejarah pengajian al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan kronologi yang menarik. Terdapat perbezaan yang amat ketara pada dua zaman yang berbeza iaitu sebelum merdeka dan selepasnya. Namun ini bukan perkara yang luar biasa kerana sememangnya setiap kerja itu bermula dari bawah dan akan makin berkembang maju dari semasa ke semasa, selari dengan peredaran waktu dan kecanggihan teknologi serta bertambahnya tenaga mahir dan pakar dalam sesuatu bidang. Apa yang lebih diharapkan dari bidang pengajian al-Qur'an di Brunei ini agar ia semakin berkembang, bukan saja terhad dalam bidang pembacaannya sahaja, bahkan juga bidang Tafsir dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya, supaya keseluruhan isi kandungan al-Qur'an dapat difahami dan diamalkan dengan sebenar-benarnya. Lebih-lebih lagi pada zaman yang serba mencabar dengan segala bentuk fahaman salah dan kekeliruan tentang ayat-ayat al-Qur'an, pengajian al-Qur'an perlu berlangsung dalam skop yang lebih luas untuk mendidik dan memandu umat Islam ke arah jalan yang betul dan tidak tersasar jauh serta dapat menjalani kehidupan Islam yang sebenar. Pengajian al-Qur'an dan ilmu-ilmunya ini juga perlu

---

<sup>1</sup> Sarinah Yahya. (2018). "Tadabbur Al-Qur'an Istilah Qur'ani Yang Terabai: Usaha Universiti Islam Sultan Sharif Ali Dalam Pemerkaasannya". *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu*. Mohd Roslan Mohd Nor, Khader Ahmad & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (Ed.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 26.

disasarkan kepada kalangan orang-orang awam masyarakat Brunei umumnya dan golongan Mu'allaf khususnya, sebagai satu jalan da'wah dan menarik minat orang-orang bukan Muslim untuk lebih mengenali al-Qur'an dan ajaran agama Islam. Dengan cara ini, segala isi kandungan dan perkara yang berkaitan dengan al-Qur'an dapat diketahui dan dihayati dengan fahaman yang betul.

### **Bibliografi**

Al-Qur'an al-Karim.

- Abd. Hamid Mohd. Daud. (2004). *Perkembangan Persekolahan Agama di Negara Brunei Darussalam dari Tahun 1956-1984 Masihi*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz bin Awang Juned. (1992). *Islam di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pusat Sejarah.
- Abdul Aziz bin Awang Juned. (2001). *Mushaf, Tasbih, Tongkat: Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*. Brunei: Jabatan Percetakan Kerajaan.
- Abdul Halim El-Muhammadi. (1990). Al-Qur'an dan Pembelajarannya di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, vol. 3, no. 3.
- Abdul Hamid bin Mohd Daud. (2004). *Perkembangan Persekolahan Agama di Negara Brunei Darussalam dari Tahun 1956-1984 Masihi*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Haji Abdul Rahman. (t.t.). *Perkembangan Islam di Brunei: Satu Tinjauan dari Beberapa Sudut*

*Bermula dari Abad ke-14 hingga Abad ke-19.*  
Brunei: t.p.

- Abdul Latif bin Haji Jamaluddin. (1998). "Turuq Ta 'lim Tilawat al-Qur'an al-Karim bi al-Madaris al-Thanawiyah al-Wataniyyah bi al-Wilayah al-Fidraliyah Kuala Lumpur". Tesis Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Abdullah Ishak. (1990). *Islam di Nusantara Khususnya Tanah Melayu*. Petaling Jaya, Selangor: Al-Rahmaniah Badan Dakwah & Kebajikan Islam Malaysia.
- Amin Maulana & Zulkifli Hj. Mohd Yusoff. (2009). "Pengajian Al-Qur'an di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah". *Khazanah Al-Qur'an dan Al-Hadith Nusantara*. Mustafa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (Ed.). Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Asbol bin Haji Mail. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950-1985*. Brunei: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- "Buku Panduan Akademik Kolej Universiti Perguruan Uagama Seri Begawan Negara Brunei Darussalam 2007".
- "Buku Panduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali Sesi 2007-2008".
- Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2013). "Al-Dirasat al-Qur'aniyyah fi al-Manahij al-Thanawiyah fi Saltanat Brunei Darussalam: Dirasah Muqaranah". Tesis Ph.D. Malaysia: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2013). "Sumbangan Negara Brunei Darussalam Ke Arah Transformasi Ummah Melalui

- Penyebaran Pengajian al-Qur'an: Zaman Pascamerdeka 1984 Hingga Kini". *Quraan Melonjak Transformasi Ummah*. Adnan Mohamed Yusoff et. al. (Ed.). Malaysia: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hussainmiya, B.A. (2001). *The Brunei Constitution of 1959 An Inside History*. Bandar Seri Begawan: Brunei Prsee Sdn Bhd. 2<sup>nd</sup> ed.
- Jabatan Pengajian Islam. (1994). "Perkembangan Pelajaran Al-Qur'an Sistem Ejaan Kaedah Baghdadiyah dan Yahyawiyyah di Negara Brunei Darussalam". Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kaedah Pembacaan Al-Qur'an Yang Mudah, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura.
- Jabatan Pengajian Islam. (1996). *Pendidikan Ugama Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1967). *Nuzul Al-Qur'an*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1975). *Siri Tafsir Darussalam (1)*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1986). *Siri Tafsir Darussalam (114)*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Jabatan Pengajian Islam. (1996). *Pendidikan Ugama Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Maimun Aqsha bin Haji Abidin Lubis, Dk Hjh Nur Ashikin bte Pg Hj Petra. (1999). "Peranan Mushaf Brunei Darussalam (Rasm Othmani) serta Institusi Masjid dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an dan Terjemahannya di Negara Brunei Darussalam". *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-7*. Malaysia: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Masuriyati Haji Yahya. (2008). "Tarekat Tasawwuf di Brunei Darussalam dalam Kurun ke-19: Satu Kajian Sejarah". Seminar Tasawwuf Islam. Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam.
- Md. Zain Haji Serudin. (1983). *Peranan Ugama Islam dalam Pendidikan*, Brunei: t.p.
- Md. Zain Haji Serudin. (1998). *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Dzahir Othman & Othman Mohamed. (1992). Pengajian al-Qur'an dan Tafsir. *Pendidikan Islam Malaysia*. Ismail Ab. Rahman (Ed.). Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Jamil Al-Sufri. (1991). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Brunei: Asia Printers.
- \_\_\_\_\_. (1998). *Brunei Darussalam The Road to Independence*. Awang Haji Mohamad Amin bin Hassan (Ed.). Brunei: Brunei History Centre.
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2009). *Memoir Seorang Negarawan*. Brunei: Pusat Sejarah Brunei.
- Muhammad Nur Lubis. (2002). *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran al-Qur'an di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- \_\_\_\_\_. (2002). *Sejarah Penulisan Mushaf Asy-Syarif*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
- \_\_\_\_\_. (2009). "Ristaan Penulisan Mushaf Al-Qur'an Al-Karim dan Tafsirnya di Negara Brunei Darussalam". *Khazanah Al-Qur'an dan Al-Hadith Nusantara*. Mustafa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (Ed.). Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- “Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya jilid pertama diserahkan”. *Pelita Brunei*. 25 November 2009.  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/25nov09/berita01.htm>.
- “Pengenalan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur’an MABIMS (PPPQ MABIMS)”. <http://pppq-mabims.blogspot.com>.
- “Pengenalan Ringkas Institut Tahfiz Al-Qur’an Sultan Haji Hassanal Bolkiah”. <http://www.religious-affairs.gov.bn>.
- Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman. (2007). *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Da‘wah Islamiah. (1998). *Siri Tafsir Darussalam (136)*. Brunei: Pusat Da‘wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Sarinah Yahya. (2015). “Manhaj Tafsiran Ayat Sifat dalam Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya”. Prosiding Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha‘irah dan Maturidiyyah dalam Pemantapan Akidah Islamiah 04-05 Zulkaedah 1436H / 19-20 Ogos 2015. Brunei: Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA.
- Sarinah Yahya. (2018). “Tadabbur Al-Qur’an Istilah Qur’ani Yang Terabai: Usaha Universiti Islam Sultan Sharif Ali Dalam Pemerksaannya”. *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu*. Mohd Roslan Mohd Nor, Khader Ahmad & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (Ed.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



- “Teks Ucapan YM Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Doa Selamat Bagi Kerja Penyusunan dan Penyemakan Tafsir Darussalam”. 10 Jamadilakhir 1428H/25 Jun 2007M. <http://www.religious-affairs.gov.bn>.
- Wan Sabri Wan Yusuf. (1999). *The Translation of Quranic Exegesis in the Malay-Indonesian Archipelago: A Historical Survey. Proceedings of the 7<sup>th</sup> International Conference on Translation*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yus Sa'bariah Haji Adanan. (1992). “Kedatangan Awal Guru-Guru Agama Johor di Brunei”. *PUSAKA Magazine*. Department of History Centre, Ministry of Culture, Youth and Sport, Negara Brunei Darussalam. no. 5.
- Za'im Zaini. (2007). “Ministry begins work on Tafsir Darussalam”. *Borneo Bulletin*. 26 June 2007. <http://www.brusearch.com/news/11381>.
- Zakiah binti Haji Taib. (2001). *Pengajian Tauhid di Negara Brunei Darussalam: Kajian Perbandingan di Sekolah Menengah Arab Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.